

02 AUG 1999

Hamid-Thailand

PELAJAR THAI IKUTI KURSUS KEMAHIRAN MARA

KOTA BAHARU, 2 Ogos (Bernama) -- Malaysia hari ini menerima 60 pelajar Islam dari wilayah Narathiwat di Selatan Thailand, untuk mempelajari bidang kemahiran dan teknikal di Institut Kemahiran Mara dan Pusat Giat Mara.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr Abdul Hamid Othman berkata kesemua pelajar lelaki berusia 17 dan 18 tahun itu akan memulakan pengajian di IKM dan Pusat Giat Mara yang terdapat di Kelantan dan Terengganu mulai minggu depan.

"Ini peluang pertama anak-anak umat Islam di Selatan Thailand, diberi peluang belajar di Malaysia khususnya dalam bidang kemahiran yang sangat-sangat diperlukan oleh negara jiran itu," katanya kepada pemberita di Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra di sini hari ini.

Beliau bersama Ketua Eksekutif Pusat Giat Mara Hashim Ahmad, menerima kumpulan pelajar itu dalam satu majlis di bandar Narathiwat hari ini yang turut dihadiri Gabenor Narathiwat, Phong Payom Wasphuthi.

Abdul Hamid berkata, program yang membolehkan anak-anak umat Islam di Selatan Thailand mempelajari bidang kemahiran dan teknikal di Malaysia dianjurkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) dan Mara.

Kursus di IKM akan mengambil masa dua tahun dan di Pusat Giat Mara, lapan bulan. Semua perbelanjaan pelajar berkenaan ditanggung sepenuhnya oleh Mara.

Abdul Hamid berkata bilangan pelajar akan bertambah pada sesi-sesi pengambilan akan datang dan akan meliputi juga pelajar perempuan.

Tawaran Malaysia itu adalah hasil permohonan Menteri Luar Thailand Surin Pitsuwan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada April tahun lepas.

Tawaran itu juga bersesuaian dengan kerjasama Pertumbuhan Segitiga Indonesia, Malaysia dan Thailand.

--BERNAMA

MNR MAI